

MALAYSIA,TAJIKISTAN METERAI MOU PERKUKUH SISTEM STATISTIK KEBANGSAAN

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 05/03/2026 | Author: MOHD ASHRAF SYAFIQ MAZLAN | Others

PUTRAJAYA, 5 Mac (Bernama) -- Malaysia dan Tajikistan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang pembangunan kapasiti statistik bagi memperkukuh sistem statistik kebangsaan kedua-dua negara.

MoU berkenaan dimeterai di Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York bersempena dengan Sesi Suruhanjaya Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-57 (UNSC57) pada Rabu (4 Mac).

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin mewakili Kerajaan Malaysia manakala Pengarah Agensi Statistik di bawah Presiden Republik Tajikistan Nurmahmadzoda Jamshed mewakili Kerajaan Republik Tajikistan bagi memeterai MoU itu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerusi kenyataan hari ini memaklumkan MoU berkenaan mencerminkan komitmen bersama kedua-dua kerajaan untuk memperkukuh dan memodenkan sistem statistik negara masing-masing selaras dengan piawaian statistik antarabangsa serta permintaan ekosistem data global yang kian berkembang.

“Kerjasama ini akan menggalakkan pemindahan pengetahuan, pelaksanaan inisiatif pembinaan kapasiti bersama, pertukaran teknikal serta pelbagai aktiviti kolaboratif dalam bidang kepentingan bersama termasuk metodologi statistik, integrasi data, transformasi digital, peningkatan kualiti statistik dan pemantapan institusi.

“Melalui kerjasama ini, kedua-dua negara menyasarkan untuk memperkukuh modal insan dan daya tahan institusi bagi menyokong pengeluaran statistik yang mampan dalam persekitaran data yang semakin kompleks,” menurut kenyataan itu.

Menurut DOSM, memorandum itu turut mencerminkan aspirasi bersama yang diketengahkan semasa Sesi UNSC57 khususnya berkaitan peningkatan peranan kecerdasan buatan, data raya dan sumber data alternatif dalam pengeluaran statistik moden.

“Ia selari dengan seruan global untuk membangunkan ukuran kemajuan yang lebih komprehensif melangkaui penunjuk ekonomi tradisional seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) seiring dengan penekanan UNSC terhadap metrik pembangunan yang lebih holistik, inklusif dan berpandangan ke hadapan,” menurut kenyataan itu.

Mohd Uzir dalam kenyataan sama berkata melalui perkongsian itu, Malaysia mengesahkan komitmen untuk berkongsi kepakaran, memperkukuh modal insan dan mempertingkatkan keupayaan institusi untuk memastikan statistik rasmi kekal boleh dipercayai, relevan dan responsif terhadap

cabaran dasar kontemporari.

“Kolaborasi antara Pejabat Statistik Negara turut meningkatkan kapasiti kolektif dalam menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti serta memacu pembangunan mampan di peringkat nasional dan global,” katanya.

-- BERNAMA

TAG: DOSM, MoU, AI, perkongsian, dasar, statistik

MASM NHIZ SMK